

27 OCT 2002
Khir-Sekolah

KHIR CADANG S/AGAMA BERDAFTAR DGN JAIS SAHAJA DIBERI BANTUAN

TANJUNG KARANG, 27 Okt (Bernama) -- Selangor mencadangkan supaya sekolah agama yang berdaftar dan ditadbir oleh Jabatan Agama Islam negeri sahaja dibenarkan mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan pusat, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

"Saya akan membuat satu kertas cadangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya hanya sekolah agama yang berdaftar dan ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jias) sahaja dibenarkan mendapat bantuan," katanya.

Beliau berkata mengikut cadangan itu, sekolah yang memilih untuk beroperasi di bawah pengurusan lembaga yang dibentuk sendiri atau sekolah agama swasta, dianggap tidak layak untuk menerima bantuan.

Mohamad Khir berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai keputusan kerajaan pusat Sabtu lepas untuk menghentikan sementara bantuan perkapita kepada semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan pendidikan dan makanan kepada golongan penduduk termiskin di sini hari ini, Menteri Besar itu berkata mengikut cadangan itu juga sekolah agama yang ingin mendapat bantuan kerajaan pusat diwajibkan mendaftarkan dengan Jais.

Katanya beliau berharap cadangan ini akan diterima oleh kerajaan pusat supaya ia boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain.

Menurut Mohamad Khir beliau mengakui bahawa ada beberapa sekolah agama di negeri itu tidak menggunakan bantuan kewangan yang diterima itu secara yang sepatutnya.

Ada beberapa sekolah didapati sukatan mata pelajaran yang diajar kepada pelajar menyemai perkara-perkara yang menimbulkan kebencian kepada sesetengah pemimpin kerajaan, kata Mohamad Khir.

Beliau yakin bantuan kewangan itu akan diteruskan kembali setelah kerajaan pusat meneliti dan menyemak sistem pendidikan dan bahan pengajaran sekolah agama sama ada wujud penyelewengan atau sebaliknya.

Dr Mahathir yang mengumumkan keputusan kerajaan pusat untuk menghentikan bantuan kepada SAR berkata tindakan itu diambil bagi membolehkan kerajaan mengkaji kedudukan sekolah bagi memastikan ia benar-benar mengajar agama.

-- BERNAMA

RIZ LAT